

ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BILANGAN 8/1969.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.

Permohonan-permohonan Tanah Keraian.

Saya telah ditarahkan memaklumkan kepada tuan Iaitu semua Pejabat Tanah hendaklah membereskan segala kerja-kerja supaya tidak menjadi kelambatan dan sungutan orang ramai terutama sekali soal permohonan-permohonan tanah. Ini juga sebagai mengingatkan arahan-arahan Pejabat Ini yang terdahulu seperti Arahan Bilangan 4/1969.

2. Sayugia dilingatkan mengikut perisitiwaraan Warta Kerajaan Terengganu Bil: 402 bertarikh 11.10.1962, Buku Permohonan Tanah ditutup melainkan Pemungut Hasil Tanah boleh melayan bagi permohonan-permohonan yang tertentu sahaja.

3. Harus juga pihak orang ramai tidak menyedari peristiwaran yang tersebut di atas. Dengan yang demikian, Pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan berjaga-jaga apabila mengeluarkan borang-borang permohonan tanah kepada mana-mana pihak. Ini bermakna pengeluaran borang-borang permohonan tanah hendaklah dikawal pengeluarannya.

4. Sungguhpun borang-borang itu boleh didapati di tempat lain ataupun dibuat sendiri, maka Pemungut Hasil Tanah hendaklah memerhatikan selepas mana-mana satu kawasan tanah kerajaan dibuat permohonan samada pemohon-pemohon itu terus memasuki tanah yang dipohon dan memerintah dengan secara haram. Perbuatan rentahan secara haram tidaklah dilihat. Jika ada mana-mana kawasan yang dipohon beramal-ramai oleh mana-mana pihak maka Pemungut Hasil Tanah hendaklah memberitahu pejabat Ini atas kedudukan perkara itu ada tindakan-tindakan yang diambil. Jika ada berlaku mana-mana rentahan secara haram, hendaklah Pemungut Hasil Tanah mengambil perjalanan mendakwa mereka itu menurut seksyen 425 Kanun Tanah Negara sebagaimana yang telah dipersetujukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam persidangannya pada 30.3.1966 (Kertas Mesyuarat Bil. 124/66 - SUK.TR. 337/60 - (76) - C.L.M. 122/60).

t.t.  
 (DATO' MOHAMAD BIN IBRAHIM)  
 Pesuruhjaya Tanah dan Galian,  
 Terengganu.

Bil. P.T.G.TR. 13/66 -(4)

s.k.

Setiausaha Kepada Y.A.B. Menteri Besar, Terengganu. - Untuk makluman Y.A.B. Menteri Besar,

Y.B. Setiausaha Kerajaan, Terengganu.  
 Pesuruhjaya Tanah,  
 Negeri-negeri Tanah Melayu,  
 Jalan Gurney, Kuala Lumpur.

Pengetua, Dewan Latihan Pegawai-pegawai Kerajaan,  
 Jalan Ilmu, Petaling Jaya, Selangor. P.T.&G. TR. SULIT 7/66/-(2)  
 Kuala Terengganu, 23hb. Jun, 1969.